

31 AUG 2003

Mahathir-Monorel

DR MAHATHIR LANCAR PERKHIDMATAN MONOREL KL

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dengan rasminya melancarkan satu lagi sistem pengangkutan di ibu negara, iaitu sistem Transit Monorel KL.

Pelancaran itu diadakan di stesen Monorel KL di Bukit Bintang. Turut hadir di majlis pelancaran itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Sistem pengangkutan monorel bernilai RM1.8 bilion itu sepatutnya dilancarkan pada September tahun lepas tetapi ditunda selepas sebuah daripada roda keselamatannya seberat 13.4kg tercabut semasa monorel itu diuji pandu. Dalam kejadian pada 16 Ogos tahun lepas seorang pemberita Bernama cedera teruk apabila roda berkenaan menghempap kepalanya semasa beliau melintas jalan di bawah landasan monorel itu.

Bagaimanapun, Patrick Wong Pengarah Eksekutif MTrans Holdings, syarikat induk Sistem Monorel KL telah memberi jaminan kepada Kementerian Pengangkutan bahawa semua langkah keselamatan telah diambil sebelum perkhidmatan monorel itu dimulakan.

Semasa bercakap kepada pemberita semalam, beliau berkata : "Keselamatan bukan lagi isu kerana semua langkah berjaga-jaga termasuk merekabentuk semula bahagian tertentu sistem itu telah dibuat untuk mengurangkan segala risiko teknikal."

Sementara itu, warga Malaysia yang meraikan Hari Kebangsaan hari ini akan dapat mencuba sendiri perkhidmatan monorel dari pukul 4 petang dengan kadar tambang promosi RM1 bagi setiap perjalanan sepanjang September.

Sebanyak lima puluh sen daripada semua tambang yang dikutip dalam tempoh itu akan didermakan kepada pertubuhan-pertubuhan amal.

Selepas tempoh promosi tiket-tiket perjalanan monorel, yang meliputi jarak 8.6km dari Titiwangsa ke KL Sentral akan dikenakan bayaran antara RM1.20 dan RM2.50. Terdapat 11 stesen dalam laluan monorel itu.

Monorel boleh bergerak pada kelajuan hingga 90 kilometer sejam dan boleh membawa sehingga 214 penumpang. Ia dijangka mengurangkan kesesakan lalulintas di pusa bandar sehingga 15 peratus.

-- BERNAMA

SR HS PR